

ASAS KEUSAHAWANAN

ETR 300

RANCANGAN PERNIAGAAN

LONG NEW DESIGN

Disediakan untuk :

***Puan Asmah bte Zainuddin
Pensyarah ETR 300
Institut Teknologi MARA
Melaka***

Disediakan oleh :

<i>Hishamuddin bin Abd Rashid</i>	<i>93651767</i>
<i>Fairuz bin Ibrahim</i>	<i>93863665</i>
<i>Ahmad Imran bin Mohamed Yunus</i>	<i>93783635</i>
<i>Ammar bin Hj Dahalan</i>	<i>94619903</i>



INSTITUT TEKNOLOGI MARA CAWANGAN MELAKA

Tarikh : **5hb September 1996**
Surat Tuan :
Surat Kami : **100-CM(AKA 37/B)**

Km. 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah, Melaka.
Tel : No. 06 - 5591000, 5591007, 5591009
Telefax : 06 - 5563963

06-5591067

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,


Adalah dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang berikut adalah pelajar Diploma Pengajian Perniagaan, di Institut Teknologi MARA, Cawangan Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran mereka.

<u>Bil</u>	<u>Nama Pelajar</u>	<u>No. ITM</u>
1.	Hishamuddin Abd Rashid	93651767
2.	Fairuz Ibrahim	93863665
3.	Ahmad Imran Mohamed Yunus	93783635
4.	Ammar Mohamad Dahalan	94619903

Sehubungan dengan itu, dapat kiranya pihak tuan memberikan kerjasama yang diperlukan. Semua maklumat yang diterima akan digunakan untuk tujuan akademik sahaja.

Sekian, di atas perhatian dan kerjasama daripada pihak tuan kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Yang benar,


NASIR NORDIN
Ketua Kursus DBS
ITM Melaka
b/p Pengetua

LONG VIEW DESIGN

Diploma Pengajian Perniagaan 5 A

Kajian Pengajian Pengurusan

Institut Teknologi MARA

78000 Alor Gajah

Melaka

Puan Asmah binti Zaimuddin

Pensyarah ETR 300

Institut Teknologi MARA

78000 Alor Gajah

Melaka

24 Oktober 1996

Puan,

Per : Laporan Rancangan Perniagaan

Kami, yang terdiri dari 4 orang pelajar ITM, dengan ini mengemukakan satu laporan Rancangan Perniagaan bertajuk percetakan oleh LONG VIEW DESIGN sebagai memenuhi syarat bagi pengajian semester lima (5) dibawah subjek Asas Keusahawanan (ETR 300).

- 2. Didalam menyiapkan projek ini, beberapa pihak telah terlibat secara langsung dan tidak langsung. Kerjasama mereka amatlah dihargai.*
- 3. Kami mengambil peluang ini untuk merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada pihak puan yang telah memberi tunjuk ajar, nasihat serta kritikan yang membina didalam proses menyiapkan projek ini.*

LONG VIEW DESIGN

Sekian, terima kasih.

Yang benar

.....
Hishamuddin bin Abd Rashid

.....
Fairuz bin Ibrahim

.....
Ahmad Imran bin Mohamed Yunus

.....
Ammar bin Haji Dahalan

LONG VIEW DESIGN

1.0 PENGENALAN

Seperti mana yang kita ketahui, sejak kebelakangan ini ekonomi negara sedang berkembang dengan pesatnya. Perkembangan dan pertumbuhan ini meliputi semua aspek dalam perniagaan. Dengan wujudnya fenomena sosio-politik serta ekonomi negara yang bertambah baik dan stabil ini telah menarik minat para pelabur samada dari dalam negara ataupun luar negara untuk membuka pelaburan di sini.

Berdasarkan perkembangan positif ini, LONG VIEW DESIGN telah mengambil peluang ini untuk mempertaruhkan nasib kami dalam bidang ini. LONG VIEW DESIGN akan beroperasi sepenuhnya pada 1 Januari 2000. LONG VIEW DESIGN merupakan sebuah syarikat percetakan kain dan tekstil.

Perniagaan ini tertumpu bagi memenuhi permintaan daripada organisasi serta individu di sekitar Melaka. Kami berharap agar syarikat ini dapat diperluaskan lagi kepada pelanggan sekitar kawasan selatan.

Industri yang diceburi oleh kami sebenarnya masih belum berkembang dengan baik. Disini, kami mengambil kesempatan ini untuk memajukan lagi syarikat kami. Aktiviti yang dijalankan ialah menerima tempahan percetakan baju dari pelanggan. Kami juga ada merekabentuk corak-corak baru untuk dipasarkan. Tumpuan pelanggan utama kami adalah merupakan organisasi yang besar. Sebagai contoh, jabatan kerajaan, swasta, kilang-kilang, sekolah-sekolah dan juga institusi pengajian tinggi. Kami juga menerima tempahan dari pihak individu yang inginkan perkhidmatan kami.